


**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO'
MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
1	YB Banting	Pertimbangan perlepasan membayar cukai taksiran dan cukai tanah dan kelonggaran bayaran secara ansuran.	Sehingga kini, tiada dasar telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri berhubung pelepasan atau <i>remittance</i> ke atas pembayaran cukai tanah dan cukai petak. Walaubagaimanapun, pembayaran cukai tanah dan cukai petak secara ansuran adalah dibenarkan dan tertakluk kepada pertimbangan oleh Pentadbir Tanah Daerah ke atas permohonan yang dikemukakan oleh pemilik cukai.
2	YB Sijangkang	Hasil utama Kerajaan Negeri adalah daripada cukai tanah, status jumlah pembayar cukai secara online.	Jumlah keseluruhan kutipan cukai tanah dan cukai petak sehingga 30 Jun 2021 dicatatkan berjumlah RM494,429,951. Daripada jumlah kutipan ini, sebanyak 52.% adalah bayaran cukai secara on-line yang melibatkan 1.1 juta transaksi di dalam portal eHasil dan kemudahan perbankan internet (<i>Maybank2u</i> dan <i>CIMBClicks</i>).
3	YB Subang Jaya	Kaedah pengiraan kadar cukai tanah perlu dikaji semula kerana kadarnya tidak seimbang di sesetengah kawasan / negeri lain.	Pada masa kini, pengiraan cukai tanah adalah berdasarkan ke atas kadar cukai yang telah ditetapkan di dalam Kaedah Tanah Selangor. Semakan kadar cukai tanah pula dibuat setiap 10 tahun sekali mengikut peruntukkan di bawah Seksyen

			101 KTN. Sebarang kenaikan kadar cukai adalah berdasarkan peratusan kenaikan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kaedah penetapan kadar cukai tanah pernah dibuat berasaskan kepada nilai semasa tanah tetapi, didapati kiraan semula cukai tanah mengikut nilai tanah semasa atau lokaliti adalah amat tinggi dan membebankan tuan tanah. Selain itu, terdapat kriteria-kriteria lain yang diambilkira dalam kaedah pengiraan cukai tanah seperti status kawasan mengikut takrifan mukim, pekan dan bandar. Sebarang kenaikan taraf sesuatu kawasan seperti dari pekan ke bandar akan menyebabkan kenaikan atau perubahan pada kadar cukai tanah. Setakat ini, penetapan kadar cukai tanah adalah adil dan seimbang di negeri Selangor.
PENGESAHAN KETUA JABATAN			
			 YUSRI BIN ZAKARIAH S.M.S PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR